

PERMOHONAN BAGI BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE LUAR NEGERI (UMUM) BAGI SESI AKADEMIK 2026/2027

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri ialah Biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di luar negara dalam bidang-bidang kursus yang tersenarai di Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 14/2025.

2. Dimanakah boleh didapati Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 14/2025?

Surat Pemberitahuan bilangan 14/2025 boleh didapati melalui laman sesawang www.moe.gov.bn atau <https://tinyurl.com/SuratPemberitahuanBiasiswa2026>



3. Bilakah sesi akademik yang ditawarkan bagi permohonan ini?

Permohonan ini adalah bagi sesi akademik 2026/2027 iaitu bagi memasukkan bulan Ogos / September 2026 atau bulan Januari / Februari 2027.

4. Apakah isi kandungan di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 14/2025?

lanya mengandungi perkara-perkara berikut:

- Syarat-syarat utama bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri termasuk syarat akademik dan tempat pengajian;
- Tatacara permohonan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri termasuk dokumen-dokumen yang perlu dihantar;
- Syarat-syarat tambahan;
- Permohonan yang tidak dipertimbangkan; dan
- Senarai kursus yang ditawarkan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

5. Bagaimanakah cara untuk memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem HECAS pusingan pertama sahaja di alamat <https://hecas.moe.gov.bn>. Tarikh pembukaan permohonan akan dimaklumkan melalui media massa, Instagram rasmi Kementerian Pendidikan, Instagram rasmi Jabatan Pengurusan Biasiswa dan laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn.

6. Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan semasa permohonan?

Setelah membuat permohonan melalui sistem HECAS, pemohon hendaklah menghadapkan dokumen-dokumen secara *hardcopy* dan *softcopy* secara berasingan seperti berikut:

i. Menghantar **hardcopy**

Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara berikut ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter No. 3, Lantai Dasar, Blok C, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan:

- Senarai semak permohonan Biasiswa (boleh diperolehi dari sistem HECAS).
- Salinan borang HECAS (1 keping) dan Borang B (3 keping).
- Salinan kad pengenalan.
- Salinan surat tawaran tempat pengajian (*Conditional / Unconditional Offer*) - Jika belum menerima tawaran, pengesahan membuat permohonan ke tempat pengajian adalah memadai.
- Isi kandungan kursus (*course content / structure*).
- Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (*certified true copies*) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah.
- Surat pengiktirafan kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam.
- Borang deklarasi maklumat Biasiswa.

ii. Menghantar **softcopy**

Pemohon hendaklah juga menghantar borang dan dokumen yang tersenarai di atas melalui emel ke applyscholarship@moe.gov.bn.

7. Bilakah tarikh tutup permohonan?

Tarikh tutup permohonan akan dimaklumkan melalui media massa, Instagram rasmi Kementerian Pendidikan, Instagram rasmi Jabatan Pengurusan Biasiswa dan laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn. Permohonan yang diterima selepas jam dan tarikh tutup (lewat) tidak akan dipertimbangkan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

8. Bolehkah calon memohon Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri bagi peringkat Ijazah Sarjana (*Masters Degree*), Ikhtisas (*Professional*) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)?

Bagi sesi 2026/2027, **hanya peringkat Ijazah Sarjana Muda ditawarkan**. Permohonan bagi peringkat Ijazah Sarjana (*Masters Degree*), Ikhtisas (*Professional*) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) **tidak ditawarkan** bagi sesi ini.

9. Bolehkah calon memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri jika umur sudah melebihi 26 tahun?

Salah satu syarat permohonan adalah umur pemohon **tidak melebihi 26 tahun pada 01 September 2026 (tahun permohonan)**.

10. Bolehkah calon memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri jika memperolehi gred D bagi salah satu mata pelajaran A level?

Syarat kelayakan akademik bagi permohonan kursus umum:

Setiap mata pelajaran hendaklah **tidak kurang daripada Gred C**.

Syarat kelayakan akademik bagi permohonan kursus perubatan (*medicine*) / pergigian (*dentistry*):

Setiap mata pelajaran hendaklah **tidak kurang daripada Gred A**.

11. Bolehkah calon memohon menggunakan gabungan keputusan A level daripada peperiksaan Jun dan November?

Pemohon tidak dibenarkan menggabungkan keputusan daripada sesi peperiksaan yang berlainan. Pemohon hendaklah menghadapkan satu keputusan sahaja (**sekali duduk**) yang mengandungi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik yang memenuhi syarat akademik permohonan.

12. Bolehkah calon memohon jika kelulusan diperolehi melebihi tempoh dua (2) tahun kebelakangan?

Hanya pemohon yang memperolehi keputusan dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan akan dipertimbangkan. Sebagai contoh: Bagi sesi akademik 2026/2027, hanya keputusan A level / *International Baccalaureate* (IB) / *Higher National Diploma* (HND) yang diperolehi dari tahun 2024 sehingga 2026 sahaja yang diterima.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

13. Bolehkah calon yang sedang mengikuti pengajian di dalam atau luar negeri di tahap pengajian yang sama (Ijazah Sarjana Muda) memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri bagi tahun pengajian seterusnya?

Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri hanya ditawarkan kepada pelajar yang **belum mengikuti sebarang pengajian** dimana-mana institusi pengajian tinggi.

14. Adakah pemohon dibenarkan untuk memohon lebih dari satu kursus?

Pemohon hanya dibenarkan memohon **satu (1) kursus sahaja**.

15. Adakah pemohon dibenarkan memohon lebih dari satu institusi atau universiti bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri?

Pemohon boleh memohon lebih dari satu (1) institusi atau universiti bagi kursus yang sama.

16. Bolehkah pemohon memohon kursus yang tidak tersenarai?

Pemohon boleh memohon kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda yang tidak tersenarai sekiranya mendapat tawaran tempat pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia secara keseluruhan (*Top 20 World Universities*) mengikut kedudukan *QS World University Rankings 2026* atau *Times Higher Education World University Rankings 2026*. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut akan dipertimbangkan secara *case by case*.

17. Bolehkah memohon kursus yang serupa tetapi berlainan nama kursus?

Permohonan bagi kursus yang mempunyai kandungan (*course content / structure*) yang serupa tetapi menggunakan nama kursus yang berbeza boleh dipertimbangkan secara *case by case*. Walau bagaimanapun, **keutamaan tetap diberikan kepada kursus yang mempunyai nama yang sama seperti yang disenaraikan dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 14/2025**.

18. Pemohon yang belum memperolehi sebarang tawaran pengajian dan tidak dapat menghadapkan surat tawaran (*offer letter*) Universiti. Adakah permohonan masih diterima?

Permohonan masih diterima. Pemohon boleh menghadapkan bukti bahawa pemohon telah membuat permohonan ke institusi atau universiti berkaitan, seperti salinan borang permohonan UCAS, emel pengesahan permohonan atau dokumen sokongan lain yang bersesuaian sebagai dokumen sokongan sementara bersama permohonan Biasiswa.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

19. Pemohon yang belum memperolehi keputusan rasmi (*official result*) A Level / *International Baccalaureate* (IB) / *Higher National Diploma* (HND) semasa tempoh permohonan. Adakah pemohon masih layak?

Pemohon boleh menghadapi **keputusan ramalan (*predicted result*)** yang diperolehi daripada sekolah atau institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan Biasiswa adalah tertakluk kepada keputusan rasmi peperiksaan yang akan diperolehi nanti dan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Pengurusan Biasiswa sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.

20. Adakah semua pemohon akan dipanggil menghadiri temuduga *Multiple Mini Interview* (MMI)?

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri sesi temuduga MMI. Sebelum temuduga tersebut dijalankan, pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri satu taklimat mengenai temuduga MMI dan proses-proses pemilihan selanjutnya.

21. Bolehkah calon pemohon yang sedang berkerja dengan Kerajaan atau mana-mana syarikat swasta memohon SBPP?

Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, *open vote* atau gaji hari (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 bertarikh 6 September 1988 dan bilangan 10/2006 bertarikh 26 April 2006 adalah dirujuk) dan mana-mana syarikat swasta yang *established*.

22. Bolehkah calon yang sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan di bawah Biasiswa Kerajaan Dalam Negeri memohon Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri di peringkat yang sama?

Permohonan calon yang sedang mengikuti pengajian di IPTA tempatan di bawah Biasiswa Kerajaan Dalam Negeri **tidak akan dipertimbangkan**.

23. Dimanakah institusi / universiti yang dibenarkan bagi kursus-kursus yang tersenarai seperti di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 14/2025?

Berikut adalah **contoh-contoh** institusi / universiti yang menawarkan kursus-kursus yang tersenarai. Walau bagaimanapun, ianya **tidak terhad** kepada institusi / universiti yang dinyatakan jika terdapat institusi / universiti yang menawarkan bagi kursus yang sama.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
1	BSc Medical and Surgery (MBBS)	Universiti <i>Top 250</i> seperti di Trinity College Dublin, Ireland (QS75), University of Southampton, UK (QS87). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
2	BSc Dental Surgery	Universiti <i>Top 250</i> seperti di Newcastle University, UK (QS122), University of Glasgow, UK (QS79). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
3	BSc in Forensic Science	- Bachelor of Forensic Science with Honours - Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia (UKM) (QS126) - BSc in Forensic Science - Universiti Sains Malaysia, Malaysia (USM) (QS134)
4	Bachelor of Education (Special Education - offering specialization in Deaf and Hard of Hearing education) / Bachelor of Special Education (Deaf Studies) / Bachelor of Education (teaching Deaf and Hard of Hearing)	- Bachelor of Education (Special Education - offering specialization in Deaf and Hard of Hearing education) - Macquarie University, Australia (QS138) - Bachelor of Special Education (Deaf Studies) - University of Newcastle, Australia (QS227)
5	BSc / BSc (Hons) / BMedSci (Hons) / Bachelor of Speech and Language Therapy / Speech and Language Pathology / Speech Pathology (Honours)	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Sheffield, UK (QS92) / Adelaide University, Australia (QS82). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
6	BSc (Hons) in Occupational Therapy	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Liverpool, UK (QS147), UKM, Malaysia (QS126). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
7	BSc (Hons) / Bachelor of Nutrition and Dietetics / Dietetics and Nutrition / Dietetics	Universiti <i>Top 250</i> seperti di UPM, Malaysia (QS134) / USM, Malaysia (QS134). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
8	BSc / BSc (Hons) / Bachelor of Podiatry / Podiatric Medicine / Podiatric Medicine / Podiatry Practice (Honours) / Health Science (Podiatry)	Universiti <i>Top 250</i>.
9	BSc (Hons) Health Science (Cardiac Physiology) / Cardiac Physiology (Healthcare Science)	BSc (Hons) Health Science (Cardiac Physiology) – University of Leeds, UK (QS86) / University of Southampton, UK (QS87)

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
10	BA (Hons) / BSc (Hons) Social Work	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Birmingham, UK (QS76) / Lancaster University, UK (QS157) / University of Leeds, UK (QS86). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
11	BSc (Hons) / Bachelor of Paramedic Science / Paramedicine / Paramedic Practice (Hons)	- Bachelor of Paramedicine – Monash University, Australia (QS36) - Bachelor of Science (Paramedicine) - Curtin University, Australia (QS183) - Bachelor of Paramedicine Science – QUT, Australia (QS226)
12	Bachelor of Applied Science in Entomology and Parasitology with honours	Bachelor of Applied Science in Entomology and Parasitology with Honours – USM, Malaysia (QS134)
13	BSc (Hons) Environmental Health	The Bachelor of Environmental Health (Honours)- UKM, Malaysia (QS126)
14	BSc (Hons) Public Health	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Manchester, UK (QS35). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
15	BSc / BSc (Hons) Safety, Health and Environmental Management / Occupational Safety, Health and Environment	Bachelor of Science (Health, Safety and Environment) - Curtin University, Australia (QS183)
16	BA Forensic Accounting	- BSc (Hons) Forensic Accounting - Southampton Solent University, UK - Bachelor of Accounting and Finance (Honours) with a specialism in Forensic Accounting - Asia Pacific University (APU), Malaysia (Bidang kursus tidak ditawarkan di Top 250)
17	BA (Hons) Journalism and Mass Communication	BA Journalism & Mass Communication - University of Queensland, Australia (QS42)
18	BA Criminology	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Birmingham, UK (QS76) / University of Reading, UK (QS194). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
19	BA Politics and Chinese	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Manchester, UK (QS35) / University of Warwick, UK (QS74). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
20	BA (Hons) Digital Media and Society	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Sheffield, UK (QS92) / University of Manchester, UK (QS35). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
21	BA (Hons) / BSoSci (Hons) Sociology	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Manchester, UK (QS35) / University of Bath, UK (QS132). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
22	Bachelor of Computing in AI and Society	Bachelor of Computing in Artificial Intelligence - National University Singapore (NUS), Singapore (QS8)
23	BA / BSc / BSc (Hons) / Bachelor of Human Resource Management / Management (Human Resources) / Business Management and Human Resource / Human Resource Development / People Development / Organisational Development / Management (HR / Organisational Behaviour Specialization)	Universiti <i>Top 250</i> seperti di Lancaster University, UK (QS157) / University of Leeds, UK (QS86). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
24	LLB - Bachelor in Law	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Bristol, UK (QS51) / University of Leicester, UK (THE192). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
25	BSc in Psychology	Universiti <i>Top 250</i> seperti di UCL, UK (QS9) / University of Reading, UK (QS194). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
26	BSc in Land Administration and Development	BSc in Land Administration and Development - Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia (QS153)
27	Bachelor of Arts (Hons) Translation with Interpretation	Universiti <i>Top 250</i> seperti di USM, Malaysia (QS134). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

BIL	KURSUS UNTUK DITAWARKAN	CONTOH UNIVERSITI YANG MENAWARKAN
28	BSc (Hons) / Bachelor of Food Science and Nutrition / Nutrition and Food Science/ Nutrition Science [SKIM PENDIDIK]	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Leeds, UK (QS86) / University of Reading, UK (QS194). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
29	BSc (Hons) Agriculture [SKIM PENDIDIK]	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Reading, UK (QS194), Newcastle University, UK (QS137). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
30	BSc (Hons) Marine Science / Earth, Environmental and Marine Sciences / Biology and Marine Biology / Marine Biology [SKIM PENDIDIK]	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Exeter, UK (QS155) / University of Liverpool, UK (QS147) / University of Southampton, UK (QS87). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.
31	BSc (Hons) Architectural Design Technology / Architectural Design and Technology / Product Design and Technology [SKIM PENDIDIK]	BSc Architectural Design Technology - University of East London, UK / University of West London, UK / University of Wolverhampton, UK / Buckinghamshire New University, UK / Cardiff Metropolitan University, UK (Bidang khusus tidak ditawarkan di Top 250)
32	BSc (Hons) Environmental Management [SKIM PENDIDIK]	Universiti <i>Top 250</i> seperti di University of Manchester, UK (QS35) / University of Reading, UK (QS194). Tidak terhad kepada universiti yang disenaraikan.

24. Dimanakah boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan:



+673 2 380019



+673 2 380019



Scholarship.moe.bn



www.moe.gov.bn



Kaunter 3,
Pusat Perkhidmatan Setempat,
Blok C, Lantai Dasar,
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan,
Jalan Airport Lama Berakas, BB3510



Tingkat 5, Blok C
Bangunan Lama,
Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama Berakas,
BB3510

Disediakan oleh
Jabatan Pengurusan Biasiswa
Kementerian Pendidikan
Januari 2026